

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Surat Pekeliling JPS. UB. 1/1995

**PERLANTIKAN PEGAWAI PENGUASA, PERWAKILAN KUASA
PEGAWAI PENGUASA DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI
KUASA DALAM URUSAN PENTADBIRAN KONTRAK.**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan serta mengemaskinikan peraturan sediaada bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran kontrak, selaras dengan kehendak Syarat-syarat Kontrak dan hasrat Jabatan.

2.0 **LATARBELAKANG**

- 2.1 Surat Pekeliling KP. J.P.T. Bil. 1/1985 yang dipinda pada 30.10.92 telah menetapkan bahawa pegawai-pegawai JPS hendaklah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (P.P.) dan Wakil Pegawai Penguasa mengikut kuasa-kuasa yang diberikan bagi kontrak-kontrak yang dikendalikan oleh JPS sendiri. Bagi kontrak yang dikendalikan oleh Juruperunding, Juruperunding berkenaan hendaklah dilantik sebagai Pegawai Penguasa.
- 2.2 Peraturan sediaada ini kerap kali menimbulkan masalah dari segi pentadbiran kontrak terutamanya kontrak yang dikendalikan oleh Juruperunding oleh kerana bidang kuasa tiap-tiap pihak yang terlibat adalah kurang jelas dan ini sering menimbulkan kekeliruan, di kalangan pegawai-pegawai JPS dan juga Juruperunding.
- 2.3 Oleh itu, selaras dengan tujuan Jabatan ini untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan kontrak, peraturan yang sediaada mengenai perlantikan Pegawai Penguasa dan Wakil Pegawai Penguasa perlulah dipinda, disamping memperkemas peraturan mengenai kuasa-kuasa menandatangani dan meluluskan perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak.

3.0 **CARA PELAKSANAAN**

3.1 **Perlantikan Pegawai Penguasa**

- 3.1.1 Perlantikan Pegawai Penguasa (P.P) untuk semua projek JPS hendaklah dibuat mengikut had-had nilai kontrak seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A, tidak kira samada kontrak dikendalikan oleh JPS sendiri atau Juruperunding.
- 3.1.2 Keputusan samada hendak melantik Pengarah Bahagian atau Pengarah Negeri/Jurutera Projek sebagai P.P. adalah bergantung kepada tahap kawalan yang dikehendaki, kerumitan kerja berkenaan dan/atau kepakaran yang diperlukan.

3.2 **Perlantikan Wakil Pegawai Penguasa**

- 3.2.1 Di mana P.P. sendiri tidak menyelia kerja yang dijalankan di Tapak, beliau hendaklah mewakilkan kuasa-kuasa tertentu kepada pegawai yang dilantik sebagai Wakil P.P. seperti di Lampiran A.
- 3.2.2 Dalam mewakilkan kuasa-kuasanya, P.P. tidak semestinya mewakilkan kuasa kepada seorang wakil P.P. sahaja. Selain daripada Wakil P.P. Kerja Utama, pegawai tertentu yang lain seperti Jurutera Mekanikal atau Jurutera Elektrik yang ditugaskan untuk menyelia kerja-kerja di bawah bidang kepakaran masing-masing boleh juga dilantik sebagai Wakil P.P. Pakar.
- 3.2.3 Di mana Juruperunding diambil bekerja untuk penyeliaan pelaksanaan kerja dan pentadbiran kontrak, Juruperunding berkenaan hendaklah dilantik sebagai Wakil P.P. Dalam mewakilkan kepada Juruperunding, perwakilan kuasa hendaklah dipinda di mana perlu.
- 3.2.4 Contoh Surat-surat dan Pemberitahu Perwakilan Kuasa adalah seperti di Lampiran-lampiran B, B/1, C dan C/1.

3.3 **Hak-hak Tertentu Yang Dikhaskan Kepada Pegawai Yang Dinamakan Dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak**

- 3.3.1 Pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan bagi fasal-fasal 40, 43, 51, 52 dan 54 Syarat-syarat Kontrak adalah sepertimana dalam Lampiran A.

3.4 **Menandatangani Perakuan-perakuan Yang Dikeluarkan Di bawah Kontrak**

- 3.4.1 Dengan perlantikan pegawai yang dinamakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak dan Pegawai Penguasa serta perwakilan kuasa-kuasa Pegawai Penguasa, Perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah Kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai-pegawai sepertimana yang dinyatakan dalam Lampiran D.

3.5 **Meluluskan Perakuan Bayaran Interim**

- 3.5.1 Semua bayaran interim bagi kontrak-kontrak yang bernilai tidak melebihi RM 1.0 juta hendaklah diuruskan sepenuhnya oleh Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri atau Jurutera Projek, kecuali kontrak-kontrak yang dikendalikan sendiri oleh Ibu Pejabat JPS. Untuk tujuan ini, waran peruntukan akan dihantar ke Pengarah JPS Negeri/Jurutera Projek bagi bayaran dibuat di Negeri berkenaan.
- 3.5.2 Bagi kontrak-kontrak yang bernilai melebihi RM 1.0 juta sehingga RM 5.0 juta, bayaran boleh dibuat samada di Ibu Pejabat atau di JPS Negeri/Projek bergantung kepada keadaan dan sebab-sebab tertentu. Sekiranya bayaran dibuat di Ibu Pejabat, perakuan-perakuan bayaran interim hendaklah dihantar terus kepada Pengarah Bahagian berkenaan untuk pengesahan sebelum dihantar kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan untuk bayaran, tanpa merujuk kepada Bahagian Ukur Bahan. Walau bagaimanapun, Perakuan Bayaran Pendahuluan, Bayaran pertama, bayaran kelima, bayaran muktamad 'provisional' (jika ada) dan Perakuan Muktamad hendaklah dihantar ke Bahagian Ukur Bahan untuk semakan sebelum diluluskan untuk bayaran.
- 3.5.3 Bagi kontrak-kontrak yang bernilai melebihi RM 5.0 juta, semua pembayaran hendaklah dibuat di Ibu Pejabat, melainkan dalam kes-kes tertentu yang mana pengecualian telah diberi secara khusus. Semua perakuan bayaran interim yang dibayar di Ibu Pejabat hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Ukur Bahan untuk semakan, yang seterusnya akan memajukan kepada Pengarah Bahagian berkenaan untuk tindakan selanjutnya sebagaimana peraturan yang diamalkan sekarang.

4.0 **PENGUATKUASAAN**

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta bagi semua kontrak yang belum ditandatangani dan/atau kontrak yang mana perwakilan kuasa Pegawai Penguasa belum lagi dibuat.
- 4.2 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, Surat-surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:-
- (i) Perenggan 5 dan 6 dalam Surat Pekeliling bil. (44) dlm. PPT. 416 Jld. 10 bertarikh 7 April 1986.
 - (ii) Surat bil. (13) dlm. PPS. 10/4/2 CUB SEM bertarikh 30 Oktober 1992 (Pindaan kepada Surat Pekeliling K.P.J.P.T. Bil. 1/1985).

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(TAN SRI DATO' IR. HAJI SHAHRIZAILA BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Mac 1995

s.k. - Timbalan Ketua Pengarah I
 - Timbalan Ketua Pengarah II

Bil. Fail: () dlm. PPS. 10/4/2 CUB Jld. 2

CIRCULAR.WP/DISK SPJPS 3

KUASA-KUASA YANG DIBERI KEPADA PEGAWAI JPS DALAM URUSAN PENTADBIRAN KONTRAK

Nilai Kontrak	Pegawai Penguasa	Wakil Pegawai Penguasa		Hak mengambil tindakan 1. Gantirugi kerana tidak siap (Klausa 40) 2. Kelambatan & Lanjutan Masa (Klausa 43)	Hak mengambil tindakan 1. Penamatan Kerja Kontraktor (Klausa 51) 2. Kesan Perang atau Gempa Bumi (Klausa 52) 3. Timbangtara (Klausa 54)
		Kontrak dikendalikan oleh JPS	Kontrak dikendalikan oleh Juruperunding		
Melebihi RM 25,000,000.00	Ketua Pengarah	Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Jurutera Projek (tidak rendah daripada J1)	Juruperunding Yang Dilantik	Ketua Pengarah	Ketua Pengarah
Tidak Melebihi RM 25,000,000.00	Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Jurutera Projek (tidak rendah daripada J1)	Pengarah Negeri/ Jurutera Projek Jurutera Daerah (tidak rendah daripada J2)		Timbalan Ketua Pengarah	
Tidak Melebihi RM 10,000,000.00					
Tidak Melebihi RM 5,000,000.00	Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Jurutera Projek (tidak mengira Gred)	Pengarah Negeri/ Jurutera Projek/ Jurutera Kanan/ Jurutera Daerah		Pegawai Penguasa Yang Dilantik	Timbalan Ketua Pengarah
Tidak Melebihi RM 1,000,000.00					Pegawai Penguasa Yang Dilantik
Tidak Melebihi RM 250,000.00	Jurutera Daerah	-		Jurutera Daerah	Pengarah Negeri

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepada wakil P.P. Kerja Utama Untuk Penyeliaan dan Arahan
Keseluruhan Kerja)

Rujukan : Pejabat :

.....

.....

Tarikh :

Kepada :

.....

.....

(Wakil P.P.)

Tuan,

Kontrak No:

Untuk:

.....

.....

.....

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut subfasal 2(c) Syarat-syarat Kontrak, saya *
sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja di bawah Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan, KECUALI bagi perkara-perkara berikut:-

- * Nama jawatan Pegawai Penguasa

<u>Bil</u>	<u>No. Fasal</u>	<u>Perkara</u>
1.	5 (a)(i); 24(a)	Arahan-arahan yang melibatkan perubahan.
2.	5 (a)(ii); 8(b)	Percanggahan dalam atau antara dokumen-dokumen kontrak.
3.	5 (a)(ix)	P.P. diberi kuasa secara nyata oleh kontrak untuk mengeluarkan arahan.
4.	5 (d)	Tuntutan kerana mematuhi arahan P.P.
5.	7 (a)	Jagaan Dokumen Kontrak.
6.	11	Obligasi Statutori.
7.	12	Fosil, dan lain-lain.
8.	25 (b)(ii) & (iii)	Penilaian kerja tidak sama jenis atau tidak dilaksanakan di bawah keadaan yang sama.
9.	27 (d)	Penyerahhakan Faedah.
10.	28 (b),(c) & (d)	Subkontraktor Dinamakan/Pembekal Dinamakan - Penamaan, Bantahan dan Kuasa berikutan bantahan.
11.	30	Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara.
12.	37 (c)	Penggunaan Bon Perlaksanaan.
13.	38 (d) & (e)	Kelambatan memberi pemilikan Tapak Bina.
14.	40	Gantirugi kerana Taksiap.
15.	43	Kelambatan dan Lanjutan Masa.
16.	44.	Kerugian dan perbelanjaan disebabkan oleh kelambatan.
17.	45 (d)	Menentukan kesusutan nilai kerja.
18.	48 (a)	Mengemukakan dokumen tuntutan.
19.	48 (b)	Perakuan Muktamad.
20.	48(c)	Jumlah wang yang hendak diperakui dalam Perakuan Muktamad.

<u>Bil</u>	<u>No. Fasal</u>	<u>Perkara</u>
21.	51	Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.
22.	52	Kesan Perang atau Gempa Bumi.
23.	54	Timbangtara.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH SUNGAI KITA"

.....

(Pegawai Penguasa)

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan Pemberitahu Perwakilan Kuasa yang berasingan.

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PEMBERITAHU PERWAKILAN KUASA
(bagi Wakil P.P. Kerja Utama)

Rujukan:

Pejabat :

.....

.....

Tarikh :

Kepada :

.....

.....

(Kontraktor)

Tuan,

Kontrak No:

Untuk:

.....

.....

Adalah tuan dengan ini diberitahu bahawa atas kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut subfasal 2(c) Syarat-syarat Kontrak, saya, sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, telah melantik sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan Kerja di bawah Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak sepertimana yang disenaraikan di dalam Surat Perwakilan Kuasa yang berkembar, telah diwakilkan kepada Wakil P.P. tersebut.

- ...
2. Bersama-sama ini dikembarkan sesalinan Surat Perwakilan Kuasa rujukan bertarikh untuk makluman dan simpanan tuan.
 3. Pemberitahu ini adalah dalam dua (2) salinan. Sila akui penerimaan Pemberitahu ini dengan mengembalikan salinan asal yang telah ditandatangani ke Pejabat ini dan simpan salinannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

.....
.....
.....
(Pegawai Penguasa)

Kepada
.....
(Pegawai Penguasa)

Saya/Kami mengaku penerimaan Pemberitahu dan Surat Perwakilan Kuasa di atas dan sesalinannya telah disimpan.

.....
.....
(Kontraktor)

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

SURAT PERWAKILAN KUASA
(Kepada Wakil P.P. Pakar untuk Penyeliaan Kerja Tertentu)

Rujukan:

Pejabat :

.....

.....

Tarikh :

Kepada :

.....

.....

(Wakil P.P. Pakar)

Tuan,

Kontrak No:

Untuk:

.....

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut subfasal

2(c) Syarat-syarat Kontrak, saya, ¹
sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan
sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan

kerja/pembekalan ² di
bawah Kontrak ini. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya
di bawah Kontrak, setakat mana yang berkenaan dengan kerja/pembekalan tersebut,
adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan, tertakluk kepada subfasal 3(a) Syarat-syarat
Kontrak.

1 Nama jawatan Pegawai Penguasa

2 Huraian jenis kerja/pembekalan yang berkenaan

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

.....
Pegawai Penguasa

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan Pemberitahu Perwakilan Kuasa yang berasingan.

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PEMBERITAHU PERWAKILAN KUASA
(bagi Wakil P.P. Pakar)

Rujukan: Pejabat :.....
.....
.....

Tarikh :

Kepada :
.....
.....
(Kontraktor)

Tuan,

Kontrak No:

Untuk:
.....
.....

Adalah tuan dengan ini diberitahu bahawa atas kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut subfasal 2(c) Syarat-syarat Kontrak, saya,
.....sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, telah melantik sebagai Wakil P.P. Pakar untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan kerja/pembekalan di bawah Kontrak ini.

Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak, setakat mana yang berkenaan dengan kerja/pembekalan ini, telah diwakilkan kepada Wakil P.P. tersebut.

- ...
2. Bersama-sama ini dikembarkan sesalinan Surat Perwakilan Kuasa rujukan bertarih untuk makluman dan simpanan tuan.
 3. Pemberitahu ini adalah dalam dua (2) salinan. Sila akui penerimaan Pemberitahu ini dengan mengembalikan salinan asal yang telah ditandatangani ke Pejabat ini dan simpan salinannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

.....

.....

.....

(Pegawai Penguasa)

Kepada

.....

(Pegawai Penguasa)

Saya/Kami mengaku penerimaan Pemberitahu dan Surat Perwakilan Kuasa di atas dan sesalinannya telah disimpan.

.....

.....

(Kontraktor)

**PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERKUASA
MENANDATANGANI PERAKUAN-PERAKUAN YANG DIKELUARKAN
DI BAWAH KONTRAK**

BIL	PERAKUAN	PEGAWAI YANG BERKUASA MENANDATANGANI
1.	Perakuan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak.	Pegawai Penguasa (P.P.)
2.	Perakuan Siap Kerja	Wakil P.P. Kerja Utama
3.	Perakuan Kerja Tidak Siap	Pegawai Dinamakan di dalam Lampiran kepada syarat-syarat Kontrak.
4.	Perakuan Siap Berbahagian- bahagian.	Wakil P.P. Kerja Utama.
5.	Perakuan Pendudukan Separa	Wakil P.P. Kerja Utama.
6.	Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa.	Pegawai Dinamakan di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak.
7.	Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan.	Wakil P.P. Kerja Utama.
8.	Perakuan Interim	Wakil P.P. Kerja Utama
9.	Perakuan Muktamad	Pegawai Penguasa (P.P.)